

29/07/2001

Waspada helah syaitan asing

Syed Akbar Ali

SEJARAH akan menyenaraihitamkan 1998 sebagai satu episod seram untuk Malaysia di mana kuasa Barat hampir menjatuhkan kerajaan pilihan rakyat untuk diganti dengan pemimpin yang sedia tunduk kepada mereka.

Strategi yang didekati untuk menggulingkan kerajaan adalah satu tried and true method yang berjaya menggulingkan kerajaan di Amerika Tengah, Amerika Selatan, Iran dan Timur Tengah sebelum itu.

Apabila pimpinan sesebuah negara bertindak bebas untuk mempertahankan kedaulatannya daripada belenggu kuasa besar, maka huru-hara akan dicituskan dalam negara untuk menggugat kepercayaan rakyat kepada kerajaan.

Huru-hara dicituskan menggunakan pelbagai taktik. Antara yang paling berkesan ialah menyebabkan harga barang naik dengan mendadak supaya rakyat terdesak untuk memberontak terhadap kerajaan.

Rusuhan makanan atau bread riots pernah berlaku di Mesir, Jordan, Indonesia dan Amerika Tengah di mana rusuhan secara besar-besaran tercetus apabila harga roti, tepung dan bahan makanan asas menjadi terlalu mahal disebabkan daripada dasar kewangan kerajaan yang tidak betul. Dan sepertimana boleh disangka dasar kewangan yang silap itu hasil nasihat penasihat asing yang mewakili ejen kuasa besar. Tetapi angkara mereka hanya boleh berjaya dengan kerjasama pemimpin tertentu dalam kerajaan.

Julius Nyerere, bekas Presiden Tanzania dan Pengerusi Suruhanjaya Negara Selatan (South Commission) sudah mengistilahkan taktik kotor ini sebagai the IMF Bread Riots. Mengikut Nyerere, selain daripada menggunakan kuasa tentera, kuasa Barat menggunakan IMF untuk mufliskan sesebuah negara untuk memaksa negara itu mengikut telunjuk mereka. Nyerere juga sempat bersenda bahawa penasihat IMF cukup cekap kerana sebelum rusuhan bermula mereka akan menjadi ghaib.

Pada 1996, IMF memaksa Jordan membatalkan subsidi roti sebagai prasyarat untuk mendapat pinjaman IMF. Ini menyebabkan harga roti naik dua kali ganda dan rakyat Jordan, yang kebanyakannya miskin, memberontak dan menyebabkan kematian dan ketegangan. Aneh sekali penasihat tentera Amerika pula dikerah untuk memulihkan keadaan. Sesudah peristiwa itu kerajaan Jordan terpaksa menerima tanpa bantahan semua dasar Amerika Syarikat terhadap usaha damai Israel - Palestin dan juga dasar pasca Perang Teluk Amerika Syarikat.

Dalam negara kita pula, pertama sekali mata wang Ringgit diserang oleh George Soros dan gengnya menyebabkan nilai Ringgit jatuh dengan teruk. Serentak dengan serangan ke atas Ringgit, IMF tiba dengan nasihatnya supaya subsidi dan perbelanjaan kerajaan disekat dan kadar faedah bank (interest rates) dinaikkan serta merta.

Tindakan ini perlu kononnya sebagai langkah mengukuhkan nilai Ringgit yang diserang oleh sahabat mereka George Soros tadi. Dalam pandangan IMF, dasar kerajaan seperti DEB juga tidak munasabah dan harus dibubarkan.

Walaupun Malaysia tidak memerlukan pinjaman IMF, nasihat IMF untuk menaikkan kadar faedah bank dilaksanakan juga. Ini menyebabkan ekonomi negara hampir lumpuh pada 1998-2000. Ramai orang tidak sedar, sasaran awal dasar pro IMF itu adalah kaum Bumiputera termasuk penjual kereta terpakai Bumiputera yang hampir semuanya muflis. Kadar faedah bank yang tinggi merumitkan pengguna membuat pinjaman untuk membeli kereta. Ramai daripada mereka muflis sehingga hari ini.

Kontraktor Bumiputera dan pemaju perumahan juga menjadi bankrap kerana

pinjaman bank untuk membeli rumah diketatkan. Syarikat Bumiputera yang berurusan dengan bank pula digempar dengan kejutan maut apabila kadar pinjaman overdraf melompat daripada tujuh peratus melebihi 15 peratus dalam beberapa bulan saja. Kadar pinjaman jangka pendek revolving credit pula mencecah 20 peratus untuk pinjaman satu bulan. Seterusnya kadar inflasi juga akan melompat naik kerana kos pengeluaran dan pemasaran di seluruh negara semuanya sudah naik.

Sekiranya dasar goblok IMF itu berpanjangan sudah tentu penjual kereta, pengguna kereta, kontraktor kecil, peniaga dan suri rumah Bumiputera akan benci dulu terhadap kerajaan kerana kaedah pinjaman bank dan kadar inflasi tinggi melumpuhkan penghidupan mereka. Inilah yang diharapkan sangat oleh geng syaitan yang ingin menjatuhkan kerajaan.

Cuba bayangkan jika kerajaan mengambil nasihat IMF untuk menghentikan perbelanjaan pembangunan atau membubarkan dasar asas seperti DEB. Sudah tentu negara akan menjadi kecoh dan huru-hara kerana Bumiputera yang sangat bergantung kepada bantuan kerajaan untuk pembangunan ekonomi akan tersadai di tepi jalan. Dan konco mereka yang berpengaruh dalam negara pada masa itu sanggup melihat kaum sendiri menderita asalkan negara terhumban dalam keadaan huru-hara supaya lebih senang bagi mereka menuding jari kepada pimpinan, diiringi desakan ganas supaya pemimpin berundur dan sebagainya.

Sebagai mata serampang ketiga, mereka melancarkan kempen media besar-besaran untuk memburukkan kerajaan dan pemimpin kita dan menyeru supaya kerajaan yang dipilih mengikut proses demokrasi pilihan raya digulingkan oleh penganas demonstrasi jalan raya.

Gergasi media CNN yang lazimnya tidak menyiarkan ramalan cuaca pun untuk Kuala Lumpur (berbanding ramalan cuaca harian untuk Ulan Batur, Mogadishu dan Dhaka) sibuk memuatkan berita hangat mengenai Malaysia hampir setiap hari pada waktu itu untuk sensasikan dan memburukkan imej negara.

Serangan yang bertalu-talu itu bertujuan meniup bahang kebencian kepada kerajaan sehingga rakyat memberontak dan berkeliaran di jalan raya kononnya menuntut keadilan.

Serentak itu, mereka memberi sokongan kuat secara terbuka dan secara sulit kepada kader yang bakal menjadi patung. Walaupun CNN tiada membuat liputan cuaca pun untuk Kuala Lumpur, ia tidak menghalang negara kita menjadi destinasi paling popular di dunia pada masa itu untuk dikunjungi pelbagai jenis syaitan yang datang untuk membisikkan was-was dan tiupan ganas mereka ke dalam telinga rakyat kita.

Al Gore, Madeleine Albright, Bill Cohen, Robin Cook, ulama Katolik yang kononnya pakar Islam, ulama arab yang kononnya pakar Islam, penulis Pakistan dan pemikir Parsi yang dibela di Barat, Wolfensohn, Camdessus, Mallot dan pelbagai jenis syaitan yang lain semuanya sudah tumpukan perhatian ganas mereka terhadap tanah air ini. Kita mesti bersyukur kepada maha suci Allah yang memberi bimbingan kepada pemimpin kita untuk mematahkan keganasan mereka. Ramai daripada mereka sekarang ini sudah ghaib juga.

Tetapi malang sekali kita belum lagi terlepas daripada ancaman ganas dan hasutan mereka. Mereka masih berusaha menghancurkan keamanan dan kejayaan yang kita capai. Dulu kuasa Barat pernah menyokong ulama yang gemar berseluar pendek dan bergambar dengan wanita bukan muhrim di pangkuannya. Sebenarnya komplot mereka senang saja, iaitu untuk mendokong ulama yang berperangai buruk seperti itu. Begitu juga mereka amat peka dengan tabiat buruk pemimpin kita yang tertentu dan mereka menyokongnya habis-habisan, siap dengan das meriam dan upacara sembah menyembahnya. Di Afghanistan mereka sungguh khusyuk mengiktiraf regim mereng yang dipimpin satu lagi gerombolan ulama yang amat ganas.

Orang yang boleh dibeli atau boleh disuap nafsu kebinatangan mereka

dibela seperti haiwan kesayangan.

Ulama yang lembap pemikiran yang suka kepada keganasan menjadi pelopor jihad mereka. Apabila orang seperti ini memegang teraju kerajaan, maka lebih mudahlah komplot mereka menjatuhkan sesebuah negara.

Sekarang mereka sokong juga ulama jubah, ulama yang mencabar kewibawaan polis untuk menahan mereka daripada melanggar undang-undang negara diberi pangkat oleh majalah Barat sebagai pemedato dan komunikator yang paling berkesan di seluruh dunia. Laman web yang dibiayai Soros sendiri menjadi pentas untuk memperjuangkan ulama jenis itu. Gerangan mereka amat jelas.

Orang seperti Dr Mahathir pula amat dibenci dan digeruni mereka kerana Dr Mahathir boleh memikir secara bebas dan berjaya mentadbir sebuah negara Islam yang mampu menandingi negara Barat dalam mencapai kemajuan dan kejayaan.

Mereka lebih suka kepada tuan guru yang rela berkata dengan secara bertulis bahawa membasmi kemiskinan adalah satu perkara yang berada di luar kebolehan manusia kerana ia adalah ciptaan Tuhan yang mesti diterima oleh manusia.

Kalau bukan pembbohongan yang jelas, ini adalah satu kedangkalan yang nyata yang melanggar ajaran Allah dan Rasul-Nya yang bermaksud: "Syaitan menjanjikan kamu kemiskinan dan menyuruh kamu berbuat jahat." Surah 2:268.

Maha Suci Allah tidak sekali pun inginkan kita menjadi miskin. Seorang lagi ulama haprak sanggup berkata memang sesuai memberi peringatan mengenai janji syurga untuk memancing undi. Tentu sekali Islam janjikan syurga. Tetapi mereka mengkafirkan diri apabila mereka mencampurkan kebenaran Allah dengan tuntutan batil mereka kononnya tindak-tanduk haprak mereka berdasarkan Islam. Maha Suci Allah dan Rasul-Nya terlebih dulu membongkarkan temberang golongan ini: "Katakanlah, Jika kamu menganggap akhirat itu khusus untuk kamu di sisi Allah, bukan untuk orang lain, maka inginkanlah kematian (sekarang) jika kamu orang yang benar." - Surah 2:94.

Ajaran Allah dan Rasul-Nya paling jelas. Jika mereka yakin akhirat itu khususnya menunggu ketibaan mereka, lebih elok mereka mati hari ini juga. Jangan berlengah-lengah lagi dan membuang masa dengan kehidupan di dunia ini. Selamat jalan saja.

Malang sekali, masih ada golongan berbahaya ini dalam negara kita, yang berdetik macam bom jangka, hanya menunggu masa meletup. Potensi mereka untuk mengganas dan bahaya fikiran kolot kaum ulama paling mudah dieksploitasi kuasa asing untuk membinasakan sesuatu bangsa dan negara. Kita perlu sentiasa waspada dan jangan sedikit pun tertipu oleh golongan putar belit ini.

(END)